

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN				
DIVISIYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA				
1	Kursus - QAGE, QSM dan CAGE	Pelakuan Organisasi	<p>Penyampai taklimat bagi kursus-kursus tersebut adalah daripada jabatan-jabatannya yang berkenaan dibawah Kementerian Pembangunan. Pegawai yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan akan dijemput untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemberiaan dan penyebaran cara penggunaan QSM, QAGE dan CAGE yang lebih berkesan dan efektif • Memberikan dan menerangkan penambahan dan penambahbaikan dokumen pengurusan QAGE dan CAGE 	QSM - Manual Pengurusan Kualiti QAGE - Panduan Pentadbiran Sebut Harga CAGE - Panduan Pentadbiran Kontrak
JABATAN KERJA RAYA				
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
2	Penambahbaikan Keatas Borang Penilaian Pemeriksaan Keselamatan Tapak Bina	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan cara penilaian yang konsisten dari semua peringkat pegawai dan kakitangan Bahagian Kesihatan Keselamatan dan Alam Sekitar kerana cadangan sistem audit ini hanya mempunyai tiga peringkat pemarkahan ke atas pematuhan undang-undang, peraturan dan piawaian, iaitu: 0 - tidak mematuhi, 1 - pematuhan sebahagian dan 2 - pematuhan penuh; dan • Memudahkan pemantauan ke atas tahap pengauditan bagi setiap projek sepanjang tempoh masa pembinaan dengan adanya petunjuk tahap pencapaian iaitu: 0 - 19% - tidak memuaskan, 20 - 39% - memuaskan, 40 - 59% - sederhana, 60-79% Baik, 80 - 89% Sangat Baik, dan 90 - 100% - cemerlang 	Menambahbaik borang penilaian yang sedia ada dengan mengubah sistem pemarkahan daripada menggunakan peratus kepada skala 0,1 dan 2 yang memudahkan penilaian ke atas tapak bina yang diperiksa.
3	Taklimat Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Bekerja di Luar Pejabat	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menyampaikan maklumat mengenai persediaan sebelum dan dalam perjalanan keluar pejabat • Untuk memberikan kesedaran tentang <i>hazard</i> atau bahaya bekerja di luar pejabat • Untuk menerangkan langkah-langkah yang perlu dibuat selepas bekerja di luar pejabat. 	Program ini diwujudkan untuk memberi taklimat mengenai kesihatann dan keselamatan bekerja di luar pejabat kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya yang berjawatan teknikal. Ianya merupakan salah satu daripada program kesedaran yang dirancang setiap tahun bagi meningkatkan budaya kerja selamat di kalangan warga Jabatan Kerja Raya.
4	Peraturan Dalaman (<i>House Rules</i>) bagi Jabatan Kerja Raya	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Memupuk sikap-sikap dan tingkah laku yang menjurus kepada budaya kerja selamat dan sihat • Salah satu daripada kaedah komunikasi mengenai tanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya • Membiasakan atau menjadikan peraturan tersebut sebagai sikap atau amalan kesihatan dan keselamatan 	Peraturan dalaman Jabatan Kerja Raya (<i>Public Works Department House Rules</i>) ini dihasilkan adalah untuk menyemai budaya kerja selamat dan sihat didalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai warga Jabatan Kerja Raya.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN JALAN RAYA				
5	Penempatan Kerja Bagi Pegawai dan Kakitangan Jalan Raya Yang Baharu Melapor di Semua Unit di Bawah Jabatan Jalan Raya Sebelum Penempatan Kerja di Suatu Unit	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi mendokong hasrat negara untuk mencapai Wawasan Negara 2035 dengan menumpukan kepada pembaikan organisasi Jabatan bagi mencapai matlamat dan peranan-peranan Jabatan • Mempertingkatkan mutu kerja pegawai dan kakitangan, khususnya pegawai dan kakitangan yang baharu dan pencapaian Jabatan Keseluruhannya • Memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan Jabatan yang baharu untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka di semua Unit di Jabatan Jalan Raya 	Peranan Jabatan Jalan Raya adalah untuk merancang dan membina infrastruktur jalan raya dan jambatan, memelihara dan mengurusnya, memastikan keselesaan dan keselamatan para pengguna di jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Bagi memastikan pencapaian pelaksanaan peranan-peranan ini dengan baik, jabatan ini hendaklah mempunyai organisasi dan kakitangan jabatan yang berkebolehan termasuklah juga pegawai dan kakitangan yang baharu ditempatkan untuk bertugas di Jabatan Jalan Raya. Sebelum kakitangan - kakitangan dan Pegawai-Pegawai ini ditetapkan untuk bertugas dimana-mana unit di bawah Jabatan Jalan Raya, mereka dikehendaki untuk mengikuti program penempatan kerja untuk beberapa bulan di semua unit-unit di bawah Jabatan Jalan Raya.
6	Penempatan dan Pertukaran Pegawai dan Kakitangan di Unit-Unit di Bahagian Pengurusan dan Pemeliharaan Jalan Raya	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mendokong hasrat negara untuk mencapai Wawasan Negara 2035 dengan menumpukan kepada pembaikan organisasi Jabatan bagi mencapai matlamat dan peranan-peranan Jabatan • Mempertingkatkan mutu kerja pegawai dan kakitangan dan pencapaian Jabatan Keseluruhannya • Memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan Jabatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka di setiap unit dengan bukan hanya ditempatkan dan bertugas di satu unit saja di sepanjang perkhidmatan mereka. 	Peranan Jabatan Jalan Raya adalah untuk merancang dan membina infrastruktur jalan raya dan jambatan, memelihara dan mengurusnya, memastikan keselesaan dan keselamatan para pengguna jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Bagi memastikan pencapaian pelaksanaan peranan-peranan ini dengan baik, jabatan ini hendaklah mempunyai organisasi dan kakitangan jabatan yang berkebolehan. Antara usaha jabatan bagi memperbaiki organisasi ialah dengan menukar dan menempatkan pegawai dan kakitangan Jabatan di Unit-Unit dalam Jabatan khususnya di Bahagian Pemeliharaan dan Pengurusan Jalan Raya mengikut kelayakan dan kebolehan dari masa ke semasa.
7	Menggunakan Kaedah Teknologi Baru bagi Memperbaiki Kerja-Kerja Pembaikan Jalan Berlobang (<i>Potholes</i>)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi mencapai visi Jabatan iaitu Jalan Raya yang berkuaiti ke arah pembangunan yang mampan • Mempertingkatkan dan memperbaiki kaedah dan pengurusan dan pemeliharaan Jalan Raya khususnya pembaikan jalan yang berlobang (<i>potholes</i>) • Untuk mencapai tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi kerja-kerja pembaikan jalan berlobang (<i>potholes</i>) 	Peranan Jabatan Jalan Raya adalah untuk merancang dan membina infrastruktur jalan raya dan jambatan, memelihara dan mengurusnya, serta memastikan keselesaan dan keselamatan para pengguna di jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Antara kerja-kerja untuk memastikan keselesaan dan keselamatan para pengguna jalan raya ialah melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan yang berlobang (<i>potholes</i>). Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) Jabatan Jalan Raya bagi pembaikan jalan berlobang ialah jalan berlobang tersebut hendaklah dibaiki dalam masa 48 jam (2 hari). Antara kaedah teknologi baru yang dikenalpasti untuk dilaksanakan bagi memastikan kerja-kerja pembaikan jalan berlobang dapat dilaksanakan dalam tempoh TPOR ialah pembaikan dengan menggunakan kaedah teknologi ' <i>asphalt heater and recycler</i> ' dan ' <i>aqua patch</i> ' yang mana tempoh pembaikan lebih cepat daripada menggunakan kaedah pembaikan secara konvensional.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN				
8	Sistem Maklumat Kakitangan (SMK-SEW) Pembetulan	Struktur Organisasi	Meningkatkan mutu (kecekapan dan keberkesanan) pengurusan kakitangan Bahagian Pembetulan dalam merekodkan dan penyimpanan maklumat peribadi dan perkhidmatan kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan pangkalan data kakitangan pembetulan menggunakan teknologi maklumat • Memindahkan maklumat kakitangan daripada rekod manual ke bentuk digital • Menggunapakai sistem pangkalan data yang sudah sedia ada dan menambahbaik isi kandungan dan maklumat kakitangan
JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN				
9	Memberigakan Penggunaan QAGE (<i>Quotation Administration Guide 2017</i>)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan <i>Standard Form</i> untuk pengurusan pentadbiran kontrak sebutharga dengan lebih berkesan • Mempermudahkan tatacara kerja-kerja pentadbiran kontrak • Melindungi hak-hak kerajaan menggunakan notis arahan dan siji-siji dalam masa yang cepat • Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan pentadbiran kontrak dengan penggunaan format dan tatacara QAGE • Meningkatkan keberkesanan dalam mengendalikan dan penyiapan projek dalam kos harga kontrak dan masa yang ditetapkan • Menuju kepada industri pembinaan yang produktif dan kompeten 	Memperkenalkan penggunaan garis panduan pentadbiran kontrak bagi sebutharga dan kontrak berpenggal (<i>term contract</i>) kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA				
10	Rebiu Garispanduan Perumahan	Dasar	Untuk memastikan garispanduan dan piawaian perancangan dijadikan sebagai rujukan semasa menghadapi permohonan bagi mendapatkan kebenaran perancangan adalah sentiasa relevan dan <i>sufficient</i> di dalam menangani kehendak kemajuan semasa dan masa akan datang.	Untuk membuat kajian dan rebiu keatas perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan bagi mengemaskini polisi dan peraturan sedia ada mengikut keadaan semasa.
11	eSOS - e System of Status [Sistem Status]	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memudahkan pemilik tanah (<i>Land Owner</i>) untuk mengetahui status proses permohonan kebenaran perancangan • Sistem tersebut menggunakan <i>online system</i> / atas talian secara cepat dan mudah • Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam hal memudahkan pemantauan setiap proses 	Sistem status adalah salah satu sistem yang dilediakan bagi mengetahui status permohonan kebenaran perancangan yang dihadapi oleh QP. Sistem tersebut bukan saja membolehkan pihak QP malahan pemilik pemilihan tanah (<i>land owner</i>) untuk mengetahui status permohonan kebenaran perancangan (KP) secara <i>Online Web Application</i> .
12	Kajian Semula Sukatan Garis Bangunan	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian semula sukatan garis bangunan ini adalah menjurus kepada cadangan mengurangkan sukatan-sukatan garis bangunan sedia ada di mana bersesuaian • Kajian semula ini adalah mengambilkira:- <ul style="list-style-type: none"> - keperluan untuk mewujudkan kemajuan yang lebih padat (<i>compact</i>) dan optima bagi tanah-tanah yang kecil keluasaannya (terutamanya di kawasan bandar dengan nilai harga tanah yang tinggi) - Rayuan daripada <i>stakeholders</i> (seperti <i>Qualified Person</i>, Pemilik Tanah, Pemaju Tanah) bagi garis bangunan tertentu dikurangkan melalui semasa menghadapi 	Jabatan telah membuat kajian semula atau rebiu ke atas garis bangunan bagi mengemaskini polisi dan peraturan sedia ada mengikut keadaan semasa. Garis bangunan adalah salah satu elemen perancangan dalam meneliti dan menilai permohonan Kebenaran Perancangan bagi memastikan ada ruang terbuka untuk lanskap, keselamatan, pencahayaan dan lain-lain.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>permohonan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beberapa kes rayuan yang dipertimbangkan semasa Mesyuarat Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan (PBYLKK) (sebagai sebahagian asas cadangan rebui ini) - Saranan agar perkara ini dikaji semula mengikut keadaan semasa • Namun kajian semula ini akan dipastikan tidak akan menjejaskan aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. 	
13	Projek Integrasi eKP Versi 2 (e-Kebenaran Perancangan) bersama Sistem One Biz	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem e-KP ini diperkenalkan bagi memudahkan para <i>Qualified Person</i> (orang yang layak) untuk menghadapi permohonan kebenaran perancangan secara atas talian. Di pihak jabatan, ianya bertujuan untuk mempercepatkan dan menambahbaik perkhidmatan bilamana proses dalaman secara manual telah dapat diautimasikan dengan matlamat untuk membantu meningkatkan peratus permohonan kebenaran perancangan dapat diproses dalam tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang dijanjikan (14 hari kelendar) • Sistem tersebut menggunakan <i>online system</i> / atas talian secara cepat dan mudah • Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam memudahkan pemantauan setiap proses 	e-KP versi 2 adalah merupakan sistem elektronik yang membolehkan permohonan Kebenaran Perancangan dihadapkan secara atas talian. Sistem eKP telah diintegrasikan bersama sistem OneBiz bagi memudahkan menghadapi permohonan kebenaran perancangan melalui Sistem OneBiz (<i>Online Portal</i>) dan seterusnya permohonan diproses oleh pihak Jabatan.
14	Pengemaskinian KPI Jabatan	Struktur Organisasi	Memastikan KPI Jabatan adalah terkini serta relevan dan sejajar dengan pelan strategik jabatan dan juga perubahan semasa dalam menjalankan tugas-tugas utama Jabatan	KPI Jabatan telahpun dikemaskinikan dengan mengambilkira matlamat strategik yang baru diperkenalkan di dalam Pelan Strategik Jabatan Perancang Bandar dan Desa 2019 - 2023. Setiap bahagian dipastikan untuk menyenaraikan sasaran untuk 5 tahun ke hadapan dan sasaran ini nanti akan digunakan sebagai sukat-sukat pencapaian jabatan.
15	Pengenalan Dasar Kepadatan Tanah	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Mencadangkan dan menetapkan kepadatan dan nisbah plot mengikut hieraki yang berasaskan kepada lokasi tanah • Menyediakan peta-peta berkenaan dengan kajian-kajian tersebut termasuklah kepadatan (<i>density mapping</i>) mengikut hieraki bagi NBD dan daerah dan sempadan - sempadan kawasan berdasarkan kaedah yang dikenalpasti. 	JPBD telah melaksanakan kajian semula parameter perancangan bagi kepadatan tanah (<i>Land Density</i>). Kajian ini dilaksanakan bagi mendokong strategi utama didalam Pelan Induk Guna Tanah untuk meningkatkan kepadatan tanah (<i>densification</i>) dan menggalakkan kemajuan menegak atau lebih tinggi (<i>vertical development</i>). Melalui kajian ini, penetapan kadar-kadar kepadatan tanah dinilai semula supaya ianya lebih bersistematik dan disesuaikan dengan lokasi (bandar, pinggir bandar dan luar bandar, pusat-pusat pertumbuhan, kawasan perancangan dan sebagainya) dan nilai tanah.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN UKUR				
16	Sistem CP (<i>Certified Plan</i>) Online	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Pelan Akui (<i>Certified Plan</i>) dan pembayaran menggunakan kad kredit (<i>Credit Card</i>) atas talian melalui Geoportel jabatan. • Meningkatkan perkhidmatan jabatan melalui perkhidmatan atas talian (online) dan mengoptimalkan penggunaan payment gateway bagi kemudahan pelanggan. 	<p>Pembuatan sistem CP <i>Online</i> dilaksanakan bersabit kepada mesyuarat <i>Ease Of Doing Business</i> (EoDB) Steering Committee yang melibatkan Perkhidmatan jabatan dibawah Kementerian Pembangunan. Mesyuarat tersebut membincangkan indeks kedudukan EoDB negara Brunei berbanding dengan negara lain melalui audit dan kajiselidik yang dilaksanakan oleh <i>World Bank</i> kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Negara Brunei berada dikedudukan ke 55 dikalangan 190 negara berpandukan penarafan tahunan <i>World Bank</i> yang terkini.</p> <p>CP <i>Online</i> dihasratkan untuk memudahkan orang awam berurusan dengan jabatan kerajaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan iaitu Pelan Akui (<i>Certified Plan</i>) dengan mudah dan seterusnya untuk meningkatkan kedudukan negara dalam EoDB serta bagi meningkatkah hasil jabatan. Pembuatan sistem ini atas kerjasama Jabatan Ukur dan Bahagian IT Kementerian Pembangunan, dimana Jabatan Ukur bertanggungjawab dalam pembuatan sistem dan Bahagian IT Kementerian Pembangunan membantu dalam kerja mengimbas (<i>Scanning</i> Pelan Akui).</p>